

23 JUL 2001

PARLIMEN: KEMUKA ADUAN SEBELUM PILIHAN RAYA, NASIHAT PM

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihati mereka yang tidak berpuashati dengan senarai daftar pemilih yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) dan mendakwa wujudnya pengundi hantu, supaya mengemukakan aduan sebelum mana-mana pilihan raya diadakan.

"Sepatutnya (mereka) buat aduan sebelum pemilihan dibuat tetapi bila kalah baru nak buat, itu menunjukkan ada niat yang lain," katanya ketika menjawab soalan tambahan Raja Datuk Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut) di Dewan Rakyat.

Raja Ahmad Zainuddin sebelum ini mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional kerana berjaya mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Likas Sabtu lepas dengan kemenangan lebih besar apabila calonnya memperolehi majoriti 7,541 undi.

"Saya ucapkan tahniah kerana pengundi Likas yang beri mandat kepada BN dan takziah kepada PBS (Parti Bersatu Sabah)," kata Raja Ahmad sebelum meneruskan soalannya yang mahu Perdana Menteri menerangkan apakah langkah dan tindakan tegas kerajaan terhadap mereka yang didapati menabur janji dan sogokan masuk syurga jika menyokong mereka.

Pada pilihan raya kecil DUN Likas itu calon BN Yong Teck Lee memperolehi 9,758 undi mengalahkan Dr Chong Eng Leong (PBS) yang mendapat 2,217 undi, Christina Liew Chin Jin (Keadilan) 1,724 undi dan Joshua Kong Yun Chee (Bebas) 50 undi.

-- BERNAMA

NZ NZ AKD